

*Tarbiyah Pengasas Siri 45*

*18 Oktober 2022*

## **TARBIYAH & SENI KOMUNIKASI PENSYARAH-PELAJAR**

*Prof Dr Muhammad Syukri Salleh*

**Soalan Dr Mohd Syakir Mohd Rosdi**

**Kaedah tarbiyah kepada seseorang pelajar berbanding seorang pelajar yang lain adalah berbeza. Berdasarkan pengalaman Prof, bagaimanakah cara untuk menentukan kaedah tarbiyah yang tepat dan berkesan kepada seorang pelajar?**

1. Kaedah tarbiyah datang dalam dua cara. Pertama, secara terancang. Kedua, secara spontan.
2. Secara terancang, jika belum begitu biasa. Secara spontan, mungkin kerana kebiasaan, mungkin kerana gerakan hati nurani daripada Allah SWT (ilham dan bimbingan Allah SWT).
3. Secara terancang:
  - (1) Kena kenal kekuatan pelajar-pelajar: kekuatan aqal, kekuatan fizikal, kekuatan perasaan. Kena tarbiyah mengikut kekuatan mereka masing-masing.
    - ❖ Kena kenal rapat dengan mereka pelajar
    - ❖ Kena bergaul dengan mereka
    - ❖ Kena bermusafir sebanyaknya dengan mereka
    - ❖ Kena makan-makan dengan mereka [Dulu-dulu makan bersama di luar selepas program atau supervision, sekarang sudah sukar.

- ❖ Pensyarah sendiri kena cuba miliki ketiga-tiga kekuatan ini, sama ada dengan mempelajarinya, atau dengan latihan.
- (2) Kena faham isu yang nak ditarbiyahkan. Ada yang mild, sederhana, dan serius. Misalnya tarbiyah ala-Mahathir (tidak buang pekerja), ala-Steve Job (buang pekerja), dan ala-Sun Tzu (bunuh panglima tentera). Dalam ISDEV, ketiga-tiga cara ini saya pakai.
4. Secara gerakan hati nurani daripada Allah, kena ada amalan-amalan. Asasnya ialah iman dan taqwa:
- (1) Sentiasa bermunajat dengan Allah)
  - (2) Bermujahadah buang mazmumah (dan dengan doa mohon Allah lindungi dari mazmuumah [*Allah humma inni 'auzubika min syarri nafsi*])
  - (3) Amalkan doa Nabi Musa untuk terlindung daripada orang-orang jahil [*A'uzubillah hi an aku naminal jaahilin*])
5. Natijahnya: Nanti Allah kurniakan kelebihan
- ❖ Tepat kata-kata sesuai dengan jiwa dan kekuatan pelajar
  - ❖ Mulut masin
  - ❖ Sampai ke hati
  - ❖ Merubah pelajar
6. Ini kelebihan/senjata/alat yang hilang dalam kalangan kebanyakan guru-guru sekarang.
7. Patut hidupkan semula di ISDEV. Nanti Allah bimbing apa tarbiyah yang sesuai untuk pelajar yang berbeza. Ia akan berlaku secara spontan, misalnya tarbiyah secara kasar untuk seorang pelajar, tapi ada tarbiyah secara lembut kepada pelajar lain.

## **Soalan Dr Mohd Syakir Mohd Rosdi**

**Komunikasi sangat penting dalam menguruskan organisasi. Bolehkah Prof kongsikan tips komunikasi berkesan antara guru dan murid dan begitu juga murid dengan guru?**

1. Ini fasal Seni komunikasi.
2. Seni Komunikasi sangat power. Ia boleh tukar seseorang:
  - ❖ Daripada apa yang pada mulanya tidak mahu diberikan orang tersebut kepada diberikan, dan begitulah sebaliknya
  - ❖ Daripada apa yang sebenarnya dia boleh bagi, tidak dibaginya
  - ❖ Daripada sayang kepada benci, daripada benci kepada sayang
  - ❖ Daripada kebatilan kepada kebenaran, daripada kebenaran kepada kebatilan.
3. Tips komunikasi guru-murid:
  - (1) Kena bermula dengan kasih sayang
  - (2) Memahami dan mengiktiraf kedudukan masing-masing: pelajar-guru, pemimpin-pengikut
  - (3) Guru bersifat *multi-tasking*: guru, pemimpin, sahabat, bapa/ibu, abang/kakak, adik
  - (4) Guru dan murid dua-dua kena jadi pendengar yang baik. Bagi peluang mereka bercakap, faham betul-betul apa yang hendak mereka sampaikan, mohon petunjuk Allah ketika mendengar itu, kemudian baru bagi pandangan.
  - (5) Bermula dengan kata-kata positif. Misalnya "nak minta pendapat", "nak minta nasihat", "mohon izin bagi pandangan", "mohon bertanya", "bagus. Akan jadi lebih bagus jika..."

(6) Jika ada masalah, check keadaan asas:

- ❖ Hubungan dengan Allah dan Rasul
- ❖ Hubungan dengan ibu-bapa
- ❖ Hubungan dengan guru
- ❖ Hubungan dengan ahli keluarga, etc.

Jika ada dosa dengan mereka ini, selesaikan dulu kerana ia boleh mengangkat hijab pertolongan Allah.

(7) Sentiasa merasakan hanya Allah yang berkuasa mengubah dan mengurniakan sesuatu ie Rasa Bertuhan dan Rasa Kehambaan